

## PENGURUSAN MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA (MPM)

Oleh:

Dr. Norshamshida Razak  
Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)



MPM adalah sebuah platform yang ditubuhkan untuk mendengar, memutus dan menurunkan award berkaitan kes-kes pertikaian perusahaan. **Pertikaian Perusahaan** ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan) 2020 (Akta 177) sebagai suatu pertikaian antara majikan dengan pekerja yang berhubung kait dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan atau keadaan tempat pekerjaan. **Bidang kuasa** MPM adalah termaktub **di bawah Akta 177**. MPM mengendalikan **kes-kes rujukan daripada KPPP** dan **YB Menteri Sumber Manusia**. **Kes yang dirujuk oleh KPPP** seperti yang terdapat di dalam Rajah 2.1. Manakala **kuasa rujukan kes oleh YB Menteri Sumber Manusia** ke MPM di bawah Akta 177 adalah seperti di Rajah 2.2.

**Rajah 2.1: Kes-kes yang dirujuk oleh KPPP di bawah Akta 177**



Kes mengenai pelanggaran terhadap hak kebebasan untuk berkesatuan di bawah Subseksyen 8(2)



Kes representasi pemulihan kerja di bawah Subseksyen 20(3)



## Rajah 2.2: Kuasa rujukan kes oleh YB Menteri Sumber Manusia ke MPM di bawah

### Akta 177



Kes melibatkan pertikaian perusahaan yang berkemungkinan melibatkan kepentingan awam di bawah Subseksyen 26(2)

Selain rujukan kes oleh KPPP dan YB Menteri Sumber Manusia, **pihak yang bertikai boleh merujuk terus** kes-kes pertikaian perusahaan ke MPM di bawah Akta 177 seperti yang terdapat di dalam Rajah 2.3.

### Rajah 2.3: Kes-kes pertikaian perusahaan yang boleh dirujuk terus ke MPM di bawah Akta 177



Pindaan Perjanjian Kolektif di bawah Subseksyen 16(2)



Perubahan Award / Perjanjian Kolektif di bawah Subseksyen 33(2)



Tafsiran Award / Perjanjian Kolektif di bawah Subseksyen 33(1)



Ketidakpatuhan Award / Perjanjian Kolektif di bawah Subseksyen 56(1)

**Komposisi MPM** adalah terdiri daripada individu-individu berikut:

- Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua atau Pengerusi akan mendengar, memutus dan menurunkan award kepada kes pihak-pihak yang bertikai; dan
- Seorang Pengerusi atau Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua dan dua (2) orang panel yang mewakili majikan dan pekerja akan mendengar, memutus dan menurunkan award bagi kes pertikaian perusahaan dan pertikaian perjanjian kolektif.



**Kehadiran dan perwakilan** yang dibenarkan di dalam prosiding mahkamah adalah seperti berikut:

a) Kesatuan Sekerja:

- Pegawai atau Pekerja Kesatuan
- Peguam
- Kakitangan suatu pertubuhan (tidak merupakan suatu kesatuan sekerja) majikan-majikan atau pekerja-pekerja yang didaftarkan di Malaysia

b) Majikan

- Wakil diri sendiri
- Pekerja yang diberi mandat
- Pegawai / pekerja kesatuan sekerja majikan yang dia menjadi ahli
- Peguam
- Kakitangan suatu pertubuhan (tidak merupakan suatu kesatuan sekerja) majikan-majikan yang didaftarkan di Malaysia

c) Pekerja


- Wakil diri sendiri
- Pegawai / pekerja kesatuan sekerja pekerja yang dia menjadi ahli
- Peguam
- Kakitangan suatu pertubuhan (tidak merupakan suatu kesatuan sekerja) pekerja-pekerja yang didaftarkan di Malaysia
- *Guardian ad litem* waris terdekat (*next-of kin*) bagi Yang Menuntut yang mengalami masalah mental melalui permohonan ke Mahkamah Tinggi (Seksyen 20(6)A APP 1967)

**Yang di-Pertuan Agong** boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi Yang Dipertua (perenggan 21(1)(a)) Akta 177 dan Timbalan Yang Dipertua (perenggan 21(1)(aa)) Akta 177. Manakala pelantikan Penggerusi Mahkamah pula dilantik melalui pemberitahuan di dalam pewartaan oleh Yang di-Pertuan Agong. Manakala pelantikan **panel** yang mewakili pekerja dan majikan pula adalah **dilantik YB Menteri Sumber Manusia** di bawah perenggan 21(1)(b) Akta 177.



Kelayakan untuk menjadi seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan diperuntukkan di bawah Subseksyen 23A(1) Akta 177. Individu yang boleh dilantik sebagai Yang Dipertua di bawah Perenggan 21(1)(a) Akta 177 dan sebagai Pengerusi di bawah Subseksyen 23(2) Akta 177 hendaklah berpengalaman selama tujuh (7) tahun serta mempunyai kelayakan seperti di Rajah 2.4.


**Rajah 2.4: Kelayakan untuk dilantik sebagai seorang Yang Dipertua dan Pengerusi MPM di bawah Subseksyen 23A(1) Akta 177**




Di bawah Subseksyen 23A(2) Akta 177 turut menyatakan bahawa untuk melantik seorang Pengerusi selain daripada kelayakan di bawah Subseksyen 23A(1) Akta 177, individu tersebut perlulah mempunyai kelayakan di bawah Akta Profesional Undang-undang 1976 (Akta 166) atau sebarang undang-undang yang menggantikannya dengan sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam bidang perburuhan dan dipertanggungjawabkan berkaitan hal ehwal sumber manusia juga boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Pengerusi di bawah Subseksyen 23(2) Akta 177 seperti di Rajah 2.5.



## Rajah 2.5: Kelayakan untuk dilantik sebagai seorang Pengerusi MPM di bawah Subseksyen 23A(2) Akta 177



## Rajah 2.6: Proses kerja pendengaran kes di MPM



MPM sentiasa berusaha dalam mencari kaedah terbaik untuk mempercepatkan penyelesaian sesuatu kes. Di bawah **Subseksyen 29(g)** Akta 177, menyatakan bahawa MPM boleh melaksanakan kaedah yang bersesuaian untuk meningkatkan penyelesaian kes dengan cepat dan berkesan. Pada tahun 2010, MPM telah memperkenalkan kaedah **Penilaian Awal Kes**. Melalui Nota Amalan No.3 Tahun 2010: Garis Panduan Penilaian Awal Kes-kes, telah menyatakan bahawa kaedah Penilaian Awal Kes ini hanya terpakai kepada kes di bawah Subsekyen 20(3) Akta 177 sahaja. Tatacara Penilaian Awal Kes menurut garis panduan ini adalah seperti di Rajah 2.7.



## Rajah 2.7: Tatacara Penilaian Awal Kes

a.

Penilaian Awal Kes akan dikendalikan sekiranya kedua-dua pihak bersetuju

b.

Pihak-pihak boleh memilih seorang Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan oleh Yang DiPertua bagi menilai merit kes berdasarkan kepada pliding dan dokumen-dokumen yang telah difaiklan di Mahkamah Perusahaan

c.

Penilaian Awal Kes akan seberapa boleh dikendalikan dengan kehadiran kedua-dua pihak beserta peguam ataupun wakil mereka

d.

Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan, dibolehkan dengan persetujuan pihak yang lain membincangkan merit kes tersebut dengan satu pihak bersama-sama dengan kehadiran peguam atau wakil mereka

e.

Penilaian Awal Kes akan dikendalikan dalam satu hari dan seboleh mungkin dalam masa 1 jam

f.

Apa jua yang dibincangkan tidak akan direkodkan di dalam fail mahkamah semasa Penilaian Awal Kes

g.

Hanya tarikh, nama Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan, pihak-pihak, peguam atau wakil mereka dan keputusan Penilaian Awal Kes tersebut akan direkodkan dalam fail mahkamah

h.

Jika pihak-pihak bersetuju untuk menyelesaikan kes, pihak-pihak boleh memilih sama ada untuk menarik balik kes atau merekod award sama setuju yang akan diperturunkan oleh Pengerusi Penyelesaian

PENAFIAN: Artikel ini adalah berdasarkan dapatan Kajian Pengurusan Kes-Kes di Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM). Ia tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

